

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah TASKA tempat kerja yang telah ada dan akan dibuka di Jabatan Kerajaan serta apakah piawaian dan SOP yang telah ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa dalam usaha meningkatkan bilangan TASKA yang berdaftar bagi menyediakan penjagaan yang selamat dan berkualiti kepada kanak-kanak apabila ibu bapa keluar bekerja.

Bilangan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di Tempat Kerja Sektor Awam (TTKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga April 2020 adalah sebanyak **310** buah, iaitu **244** TTKA dan **66** buah TASKA di Tempat Kerja Sektor Swasta. Kementerian menyasarkan sebanyak 30 buah TTKA akan ditubuhkan pada tahun ini dan sehingga Jun 2020, sebanyak 24 permohonan penubuhan TTKA telah diluluskan melalui geran penubuhan yang disediakan dalam Bajet Tahun 2020.

Piawaian dan SOP yang ditetapkan bagi penubuhan dan pengoperasian TASKA adalah:

Semua TASKA yang ditubuhkan hendaklah didaftarkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*]. Antara syarat pendaftaran juga termasuklah:

- i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
- ii. Memenuhi standard minimum JKM; dan
- iii. TASKA memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi teknikal seperti berikut:
 - Pihak Berkuasa Tempatan
 - Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - Jabatan Kesihatan
 - Jabatan Tanah dan Survei (Sarawak sahaja)

Antara standard minimum yang ditetapkan adalah:

- i. Nisbah pengasuh dengan kanak-kanak;
- ii. Pengusaha hendaklah seorang warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas dan telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA;
- iii. Pengasuh merupakan warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas;
- iv. Pengusaha, pengurus, penyelia hendaklah lulus sijil Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) atau Kursus Asuhan PERMATA yang diiktiraf oleh JKM; Manakala, pengasuh kanak-kanak di TASKA hendaklah mempunyai sijil hadir dan lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) atau Kursus Asuhan PERMATA dalam tempoh 12 bulan bekerja;
- v. Mematuhi nisbah kanak-kanak dengan ruang lantai iaitu 2.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Rumah atau 3.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak di TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti;
- vi. Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur kanak-kanak;
- vii. TASKA mempunyai kemudahan peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan kanak-kanak;
- viii. Menyedia dan menyenggara rekod-rekod di TASKA;
- ix. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis TASKA; dan
- x. Apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.